



10 Oktober 2012
10 October 2012
P.U. (A) 328

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN BANK NEGARA MALAYSIA
(PELAKSANAAN KETETAPAN-KETETAPAN MAJLIS
KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU 1970 (2011),
1973 (2011), 2009 (2011), 2016 (2011), 2017 (2011)
DAN 2040 (2012) YANG BERHUBUNGAN DENGAN LIBYA)
2012

*CENTRAL BANK OF MALAYSIA (IMPLEMENTATION OF THE
UNITED NATIONS SECURITY COUNCIL RESOLUTIONS 1970
(2011), 1973 (2011), 2009 (2011), 2016 (2011), 2017
(2011) AND 2040 (2012) RELATING TO LIBYA)
REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANK NEGARA MALAYSIA 2009

PERATURAN-PERATURAN BANK NEGARA MALAYSIA
(PELAKSANAAN KETETAPAN-KETETAPAN MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA
BERSATU 1970 (2011), 1973 (2011), 2009 (2011), 2016 (2011), 2017 (2011) DAN
2040 (2012) YANG BERHUBUNGAN DENGAN LIBYA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*], Bank Negara Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bank Negara Malaysia (Pelaksanaan Ketetapan-Ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu 1970 (2011), 1973 (2011), 2009 (2011), 2016 (2011), 2017 (2011) dan 2040 (2012) yang berhubungan dengan Libya) 2012.**

Matlamat

2. Matlamat Peraturan-Peraturan ini adalah untuk melaksanakan langkah-langkah yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu menurut Perkara 41 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu bagi memberi kesan kepada pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi yang berhubungan dengan Libya dan perkara lain yang berkaitan.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“entiti yang ditentukan” ertinya entiti yang dikenal pasti oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu atau Jawatankuasa Majlis Keselamatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua;

“individu yang ditentukan” ertinya individu yang dikenal pasti oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu atau Jawatankuasa Majlis Keselamatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama;

“institusi kewangan” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan dalam subseksyen 2(1) Akta;

“Jawatankuasa Majlis Keselamatan” ertinya Jawatankuasa Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan di bawah perenggan 24 Ketetapan 1970 (2011);

“Ketetapan” ertinya Ketetapan 1970 (2011), Ketetapan 1973 (2011), Ketetapan 2009 (2011), Ketetapan 2016 (2011), Ketetapan 2017 (2011) dan Ketetapan 2040 (2012) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu;

“Majlis Keselamatan” ertinya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan di bawah Perkara 7 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi individu yang ditentukan

4. (1) Suatu institusi kewangan hendaklah membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dimiliki atau dikawal, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh—

- (a) seorang individu yang ditentukan;
- (b) seorang individu atau entiti yang bertindak bagi pihak, atau atas arahan, seorang individu yang ditentukan; atau
- (c) suatu entiti yang dimiliki atau dikawal oleh seorang individu yang ditentukan.

(2) Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi sebagaimana yang disebut dalam subperaturan (1) tidak terpakai bagi pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi yang telah ditentukan oleh Bank, melalui notis bertulis, sebagai perlu—

- (a) untuk bayaran perbelanjaan asas, termasuk apa-apa bayaran bagi bahan makanan, sewa atau gadaian, ubat dan rawatan perubatan, cukai, premium insurans dan caj utiliti awam;
- (b) untuk bayaran fi profesional yang munasabah dan pembayaran balik perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan guaman;
- (c) untuk bayaran fi atau caj perkhidmatan mengikut undang-undang bertulis;
- (d) untuk bayaran pemegangan atau penyenggaraan lazim dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dibekukan;
- (e) untuk bayaran apa-apa perbelanjaan luar biasa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan; atau
- (f) untuk menjadi perkara mana-mana proses kehakiman atau pentadbiran, timbang tara, lien, penghakiman atau bayaran kena dibayar di bawah suatu kontrak, dalam hal sedemikian dana, aset kewangan atau sumber ekonomi itu boleh digunakan untuk memenuhi lien, penghakiman atau bayaran kena dibayar di bawah kontrak itu, dengan syarat lien, penghakiman atau kontrak itu—
 - (i) telah dibuat sebelum 26 Februari 2011; dan
 - (ii) bukan untuk manfaat individu yang ditentukan.

(3) Suatu institusi kewangan boleh mengkreditkan suatu akaun yang dibekukan di bawah subperaturan (1) dengan—

- (a) apa-apa faedah atau pendapatan lain yang kena dibayar ke atas akaun itu; atau

- (b) apa-apa bayaran kena dibayar di bawah apa-apa kontrak, perjanjian atau obligasi yang berbangkit sebelum Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa,

dengan syarat bahawa institusi kewangan itu berterusan membekukan apa-apa faedah, pendapatan dan bayaran lain yang dikreditkan ke dalam akaun itu.

Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi entiti yang ditentukan

5. (1) Suatu institusi kewangan yang telah membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dimiliki atau dikawal, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh—

- (a) suatu entiti yang ditentukan;
- (b) seorang individu atau entiti yang bertindak bagi pihak, atau atas arahan, suatu entiti yang ditentukan; atau
- (c) suatu entiti yang dimiliki atau dikawal oleh suatu entiti yang ditentukan,

sebelum Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa dan menurut pekeliling Bank yang dikeluarkan di bawah seksyen 95 Akta bertarikh 23 Jun 2011, hendaklah berterusan membekukan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi itu.

(2) Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi sebagaimana yang disebut dalam subperaturan (1) tidak terpakai bagi pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi yang telah ditentukan oleh Bank, melalui notis bertulis, sebagai perlu—

- (a) untuk bayaran perbelanjaan asas, termasuk apa-apa bayaran bagi bahan makanan, sewa atau gadaian, ubat dan rawatan perubatan, cukai, premium insurans dan caj utiliti awam;

- (b) untuk bayaran fi profesional yang munasabah dan pembayaran balik perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan guaman;
- (c) untuk bayaran fi atau caj perkhidmatan mengikut undang-undang bertulis;
- (d) untuk bayaran pemegangan atau penyenggaraan lazim dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dibekukan;
- (e) untuk bayaran apa-apa perbelanjaan luar biasa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan; atau
- (f) untuk menjadi perkara mana-mana proses kehakiman atau pentadbiran, timbang tara, lien, penghakiman atau bayaran kena dibayar di bawah suatu kontrak, dalam hal sedemikian dana, aset kewangan atau sumber ekonomi itu boleh digunakan untuk memenuhi lien, penghakiman atau bayaran kena dibayar di bawah kontrak itu, dengan syarat lien, penghakiman atau kontrak itu—

 - (i) telah dibuat sebelum 26 Februari 2011; dan
 - (ii) bukan untuk manfaat entiti yang ditentukan; atau
- (g) bagi maksud—

 - (i) keperluan kemanusiaan;
 - (ii) kegunaan awam bagi bahan api, elektrik dan air;
 - (iii) penyambungan semula pengeluaran dan penjualan hidrokarbon Libya;

- (iv) penubuhan, pengendalian atau pengukuhan institusi kerajaan awam dan infrastruktur awam; atau
- (v) memudahkan penyambungan semula operasi sektor perbankan, termasuk untuk menyokong atau memudahkan perdagangan antarabangsa dengan Libya.

(3) Suatu institusi kewangan boleh mengkreditkan suatu akaun yang dibekukan di bawah subperaturan (1) dengan—

- (a) apa-apa faedah atau pendapatan lain yang kena dibayar ke atas akaun itu; atau
- (b) apa-apa bayaran kena dibayar di bawah apa-apa kontrak, perjanjian atau obligasi yang berbangkit sebelum Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa,

dengan syarat bahawa institusi kewangan itu berterusan membekukan apa-apa faedah, pendapatan dan bayaran lain yang dikreditkan ke dalam akaun itu.

Larangan terhadap peruntukan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi kepada individu yang ditentukan

6. (1) Tiada institusi kewangan boleh memperuntukkan atau menyediakan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi, kepada atau untuk manfaat—

- (a) seorang individu yang ditentukan;
- (b) seorang individu atau entiti yang bertindak bagi pihak, atau atas arahan, seorang individu yang ditentukan; atau
- (c) suatu entiti yang dikawal atau dimiliki oleh seorang individu yang ditentukan.

(2) Pemberian dana, aset kewangan dan sumber ekonomi sebagaimana yang disebut dalam subperaturan (1) tidak terpakai bagi pemberian dana, aset kewangan dan sumber ekonomi yang telah ditentukan oleh Bank, melalui notis bertulis, sebagai perlu—

- (a) untuk bayaran perbelanjaan asas, termasuk apa-apa bayaran bagi bahan makanan, sewa atau gadaian, ubat dan rawatan perubatan, cukai, premium insurans dan caj utiliti awam;
- (b) untuk bayaran fi profesional yang munasabah dan pembayaran balik bagi perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan guaman;
- (c) untuk bayaran fi atau caj perkhidmatan mengikut undang-undang bertulis;
- (d) untuk bayaran pemegangan atau penyenggaraan lazim dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dibekukan;
- (e) untuk bayaran apa-apa perbelanjaan luar biasa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan; atau
- (f) untuk menjadi perkara mana-mana proses kehakiman atau pentadbiran, timbang tara, lien, penghakiman atau bayaran kena dibayar di bawah suatu kontrak, dalam hal sedemikian dana, aset kewangan atau sumber ekonomi itu boleh digunakan untuk memenuhi lien, penghakiman atau bayaran kena dibayar di bawah kontrak itu, dengan syarat lien, penghakiman atau kontrak itu—
 - (i) telah dibuat sebelum 26 Februari 2011; dan
 - (ii) bukan untuk manfaat individu yang ditentukan.

Kewajipan untuk melaksanakan pengawasan

7. Suatu institusi kewangan hendaklah melaksanakan pengawasan semasa melakukan urus niaga dengan—

- (a) entiti yang diperbadankan atau tertakluk kepada bidang kuasa Libya;
- (b) seorang individu atau entiti yang bertindak bagi pihak, atau atas arahan, entiti yang dirujuk dalam perenggan (a); atau
- (c) suatu entiti yang dimiliki atau dikawal oleh entiti yang dirujuk dalam perenggan (a),

jika terdapat maklumat yang memberikan alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa urus niaga tersebut boleh menyumbang kepada keganasan dan penggunaan kekerasan ke atas orang awam.

Kewajipan untuk memberikan maklumat

8. Suatu institusi kewangan yang—

- (a) telah membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi di bawah subperaturan 4(1) atau 5(1); atau
- (b) mempunyai maklumat tentang apa-apa transaksi atau transaksi yang dicadangkan atau apa-apa perbuatan atau benda yang dilarang oleh Peraturan-Peraturan ini,

hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Bank mengenai fakta atau maklumat tersebut, dan memberi maklumat yang selanjutnya yang berhubungan dengan dana, aset kewangan, sumber ekonomi, transaksi, transaksi yang dicadangkan, perbuatan atau benda sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Bank.

Kesalahan

9. Mana-mana institusi kewangan, individu atau entiti yang tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 82(4) Akta.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3]

INDIVIDU YANG DITENTUKAN

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Justifikasi</i>	<i>Pengenal Pasti</i>
1.	Dorda, Abu Zayd Umar (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Jawatan: Pengarah, Organisasi Keselamatan Luar. Penyokong setia rejim. Ketua agensi perisikan luar.	
2.	Jabir, Mejar Jeneral Abu Bakr Yunis (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Jawatan: Menteri Pertahanan. Bertanggungjawab secara keseluruhan atas tindakan angkatan tentera.	Jawatan: Mejar Jeneral <i>DOB</i> : 1952 <i>POB</i> : Jalo, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: meninggal dunia
3.	Matuq, Matuq Mohammed (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15)	Jawatan: Setiausaha Utiliti. Anggota kanan rejim. Penglibatan dalam Jawatankuasa Revolusi. Mempunyai sejarah lampau penglibatan dalam menindas penentang dan keganasan.	<i>DOB</i> : 1956 <i>POB</i> : Khoms, Libya Status/ lokasi yang dipercayai:

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Justifikasi</i>	<i>Pengenalan Pasti</i>
	ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)		tidak diketahui, dipercayai telah ditangkap
4.	Qadhafi, Aisha Muammar (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Anak perempuan Muammar Qadhafi. Mempunyai hubungan rapat dengan rejim.	<i>DOB:</i> 1978 <i>POB:</i> Tripoli, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: Algeria
5.	Qadhafi, Hannibal Muammar (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Anak lelaki Muammar Qadhafi. Mempunyai hubungan rapat dengan rejim.	Nombor Pasport: B/002210 <i>DOB:</i> 20 September 1975 <i>POB:</i> Tripoli, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: Algeria
6.	Qadhafi, Khamis Muammar (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Anak lelaki Muammar Qadhafi. Mempunyai hubungan rapat dengan rejim. Mempunyai kawalan ke atas unit tentera yang terlibat dalam mengekang demonstrasi.	<i>DOB:</i> 1978 <i>POB:</i> Tripoli, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: sudah meninggal dunia

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Justifikasi</i>	<i>Pengenal Pasti</i>
7.	Qadhafi, Mohammed Muammar (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Anak lelaki Muammar Qadhafi. Mempunyai hubungan rapat dengan rejim.	<i>DOB:</i> 1970 <i>POB:</i> Tripoli, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: Algeria
8.	Qadhafi, Muammar Mohammed Abu Minyar (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Pemimpin Revolusi, Komander Agung Angkatan Tentera. Bertanggungjawab dalam mengarahkan pengekangan demonstrasi, melanggar hak asasi manusia.	<i>DOB:</i> 1942 <i>POB:</i> Sirte, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: meninggal dunia
9.	Qadhafi, Mutassim (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Penasihat Keselamatan Nasional. Anak lelaki Muammar Qadhafi. Mempunyai hubungan rapat dengan rejim.	<i>DOB:</i> 1976 <i>POB:</i> Tripoli, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: meninggal dunia
10.	Qadhafi, Saadi (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15	Komander Angkatan Tentera Khas. Anak lelaki Muammar Qadhafi. Mempunyai hubungan rapat dengan rejim. Mempunyai kawalan ke atas unit tentera yang terlibat dalam mengekang	<i>Nombor Pasport:</i> a) 014797 b) 524521 <i>DOB:</i> a) 27 Mei

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Justifikasi</i>	<i>Pengenalan Pasti</i>
	ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	demonstrasi.	1973 b) 01 Januari 1975 <i>POB:</i> Tripoli, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: Niger
11.	Qadhafi, Saif al-Arab (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Anak lelaki Muammar Qadhafi. Mempunyai hubungan rapat dengan rejim.	<i>DOB:</i> 1982 <i>POB:</i> Tripoli, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: meninggal dunia
12.	Qadhafi, Saif al-Islam (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1970)	Pengarah, Yayasan Qadhafi. Anak lelaki Muammar Qadhafi. Mempunyai hubungan rapat dengan rejim. Kenyataan awam mengapi-apikan yang menganjurkan kegunaan terhadap penunjuk perasaan.	Nombor pasport: B014995 <i>DOB:</i> 25 Jun 1972 <i>POB:</i> Tripoli, Libya Status/ lokasi yang dipercayai: dalam tahanan di Libya
13.	Al-Senussi, Kolonel Abdullah (Disenaraikan pada 26 Februari 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970; pada 17 Mac 2011	Jawatan: Pengarah Perisikan Tentera. Penglibatan perisikan tentera dalam pengekangan demonstrasi. Sejarah lampau termasuk disyaki terlibat dalam pembunuhan beramai-ramai di penjara Abu Selim. Disabit tanpa kehadiran kerana pengeboman kapal terbang UTA. Ipar lelaki Muammar Qadhafi.	Jawatan: Kolonel <i>DOB:</i> 1949 <i>POB:</i> Sudan

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Justifikasi</i>	<i>Pengenal Pasti</i>
	menurut perenggan 17 (ketetapan 1970)		
14.	AL-BARASSI, Safia Farkash (Disenaraikan pada 24 Jun 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970 dan perenggan 19 ketetapan 1973)	Berkahwin dengan Muammar QADHAFI sejak 1970. Kekayaan peribadi yang ketara, yang boleh digunakan untuk tujuan rejim. Saudara perempuannya Fatima FARKASH berkahwin dengan ABDALLAH SANUSSI, ketua perisikn tentera Libya.	<i>DOB</i> : 1952 <i>POB</i> : Al Bayda, Libya <i>Status/ lokasi yang dipercayai</i> : Algeria
15.	ZLITNI, Abdelhaziz (Disenaraikan pada 24 Jun 2011 menurut perenggan 15 ketetapan 1970 dan perenggan 19 ketetapan 1973)	Menteri untuk Perancangan dan Kewangan dalam Kerajaan Kolonel Qadhafi; terlibat dalam keganasan terhadap penunjuk perasaan. Setiausaha kepada Jawatankuasa Orang Awam untuk Kewangan dan Perancangan. Zltini sekarang ialah pemangku sementara <i>Central Bank of Libya</i> . Beliau merupakan Pengerusi <i>National Oil Corporation</i> yang terdahulu. Maklumat Jawatankuasa Majlis Keselamatan mencadangkan bahawa beliau terlibat pada masa ini dalam cubaan mengumpulkan dana untuk rejim supaya menambahkan rizab Bank Pusat yang telah digunakan ke atas pengekalan kempen tentera semasa.	<i>DOB</i> : 1935

JADUAL KEDUA

[Peraturan 3]

ENTITI YANG DITENTUKAN

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Justifikasi</i>	<i>Pengenal Pasti</i>
1.	<i>Libyan Investment Authority</i> (Disenaraikan pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1973, seperti yang diubah pada 16 September menurut perenggan 15 ketetapan 2009)	Di bawah kawalan Muammar Qadhafi dan keluarganya, serta menjadi potensi sumber pendanaan bagi rejimnya.	<i>a.k.a: Libyan Arab Foreign Investment (LAFICO)</i> Alamat: 1 Fateh Tower Office, No 99 22 nd Floor, Borgaida Street, Tripoli, Libya, 1103
2.	<i>Libyan Africa Investment Portfolio</i> (Disenaraikan pada 17 Mac 2011 menurut perenggan 17 ketetapan 1973, seperti yang diubah pada 16 September menurut perenggan 15 ketetapan 2009)	Di bawah kawalan Muammar Qadhafi dan keluarganya, serta menjadi potensi sumber pendanaan bagi rejimnya.	Alamat: Jamahiriya Street, LAP Building, PO Box 91330, Tripoli, Libya

Dibuat 14 September 2012
[BNM.JUN.1119/45/23; PN(PU2)262/VI]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
Gabenor

Diluluskan 27 September 2012
[BNM.JUN.1119/45/23; PN(PU2)262/VI]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Menteri Kewangan

CENTRAL BANK OF MALAYSIA ACT 2009

CENTRAL BANK OF MALAYSIA (IMPLEMENTATION OF THE UNITED NATIONS SECURITY COUNCIL RESOLUTIONS 1970 (2011), 1973 (2011), 2009 (2011), 2016 (2011), 2017 (2011) AND 2040 (2012) RELATING TO LIBYA) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 82 of the Central Bank of Malaysia Act 2009 [*Act 701*], Bank Negara Malaysia, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Central Bank of Malaysia (Implementation of the United Nations Security Council Resolutions 1970 (2011), 1973 (2011), 2009 (2011), 2016 (2011), 2017 (2011) and 2040 (2012) relating to Libya) Regulations 2012.**

Object

2. The object of these Regulations is to implement the measures decided by the United Nations Security Council in pursuance of Article 41 of the Charter of the United Nations to give effect to the freezing of funds, financial assets and economic resources relating to Libya and other related matters.

Interpretation

3. In these Regulations—

“designated entity” means the entity which has been identified by the Security Council of the United Nations or the Security Council Committee as provided for in the Second Schedule;

“designated individual” means the individual which has been identified by the Security Council of the United Nations or the Security Council Committee as provided for in the First Schedule;

“financial institution” has the same meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Act;

“Security Council Committee” means the Committee of the United Nations Security Council established under paragraph 24 of Resolution 1970 (2011);

“Resolution” means Resolution 1970 (2011), Resolution 1973 (2011), Resolution 2009 (2011), Resolution 2016 (2011), Resolution 2017 (2011) and Resolution 2040 (2012) of the Security Council of the United Nations;

“Security Council” means the Security Council of the United Nations established under Article 7 of the Charter of the United Nations.

Freezing of funds, financial assets and economic resources of designated individual

4. (1) A financial institution shall freeze any fund, financial assets or economic resources which are owned or controlled, whether directly or indirectly, by—

(a) a designated individual;

(b) an individual or entity acting on behalf, or at the direction, of a designated individual; or

(c) an entity owned or controlled by a designated individual.

(2) The freezing of funds, financial assets and economic resources as referred to in subregulation (1) shall not be applicable to the freezing of funds, financial assets and economic resources which have been determined by the Bank, through written notice, to be necessary—

(a) for the payment of basic expenses, including any payment for foodstuff, rent or mortgage, medicines and medical treatment, taxes, insurance premiums and public utility charges;

- (b)* for the payment of reasonable professional fees and reimbursement of incurred expenses associated with the provision of legal services;
- (c)* for the payment of fees or service charges in accordance with written laws;
- (d)* for the payment of routine holding or maintenance of frozen funds, financial assets or economic resources;
- (e)* for the payment of any extraordinary expenses approved by the Security Council Committee; or
- (f)* in the subject of any judicial or administrative process, arbitration, lien, judgment or payment due under a contract, in which case the funds, financial assets or economic resources may be used to satisfy such lien, judgment or payment due under a contract, provided that the lien, judgment or contract—
 - (i)* was entered into before 26 February 2011; and
 - (ii)* is not for the benefit of a designated individual.

(3) A financial institution may credit an account frozen under subparagraph (1) with—

- (a)* any interest or other earnings due on that account; or
- (b)* any payment due under any contract, agreement or obligation that arose prior to the coming into operation of these Regulations,

provided that the financial institution continues to freeze any such interest, other earnings and payments credited into that account.

Freezing of funds, financial assets and economic resources of designated entity

5. (1) A financial institution which has frozen any fund, financial assets or economic resources owned or controlled, whether directly or indirectly, by—

- (a) a designated entity;
- (b) an individual or entity acting on behalf, or at the direction, of a designated entity; or
- (c) an entity owned or controlled by a designated entity,

prior to the coming into operation of these Regulations and pursuant to the Bank's circular issued under section 95 of the Act dated 23 June 2011, shall continue to freeze such fund, financial assets or economic resources.

(2) The freezing of funds, financial assets and economic resources as referred to in subregulation (1) shall not be applicable to the freezing of funds, financial assets and economic resources which have been determined by the Bank, through written notice, to be necessary—

- (a) for the payment of basic expenses, including any payment for foodstuff, rent or mortgage, medicines and medical treatment, taxes, insurance premiums and public utility charges;
- (b) for the payment of reasonable professional fees and reimbursement of incurred expenses associated with the provision of legal services;
- (c) for the payment of fees or service charges in accordance with written laws;
- (d) for the payment of routine holding or maintenance of frozen funds, financial assets or economic resources;

- (e) for the payment of any extraordinary expenses approved by the Security Council Committee; or
- (f) in the subject of any judicial or administrative process, arbitration, lien, judgment or payment due under a contract, in which case the funds, financial assets or economic resources may be used to satisfy such lien, judgment or payment due under a contract, provided that the lien, judgment or contract—

 - (i) was entered into before 26 February 2011; and
 - (ii) is not for the benefit of a designated entity; or
- (g) for the purpose of—

 - (i) humanitarian needs;
 - (ii) civilian use of fuel, electricity and water;
 - (iii) resuming Libyan production and sale of hydrocarbons;
 - (iv) establishing, operating or strengthening institutions of civilian government and civilian public infrastructure; or
 - (v) facilitating the resumption of banking sector operations, including to support or facilitate international trade with Libya.

(3) A financial institution may credit an account frozen under subparagraph (1) with—

- (a) any interest or other earnings due on that account; or

- (b) any payment due under any contract, agreement or obligation that arose prior to the coming into operation of these Regulations,

provided that the financial institution continues to freeze any such interest, other earnings and payments credited into that account.

Prohibition on the provision of funds, financial assets or economic resources to designated individual

6. (1) No financial institution shall provide or make available any fund, financial asset or economic resource to or for the benefit of—

- (a) a designated individual;
- (b) an individual or entity acting on behalf, or at the direction, of a designated individual; or
- (c) an entity owned or controlled by a designated individual.

(2) The provision of funds, financial assets and economic resources as referred to in subregulation (1) shall not be applicable to the provision of funds, financial assets and economic resources which have been determined by the Bank, through written notice, to be necessary—

- (a) for the payment of basic expenses, including any payment for foodstuff, rent or mortgage, medicines and medical treatment, taxes, insurance premiums and public utility charges;
- (b) for the payment of reasonable professional fees and reimbursement of incurred expenses associated with the provision of legal services;
- (c) for the payment of fees or service charges in accordance with written laws;

- (d)* for the payment of routine holding or maintenance of frozen funds, financial assets or economic resources;
- (e)* for the payment of any extraordinary expenses approved by the Security Council Committee; or
- (f)* in the subject of any judicial or administrative process, arbitration, lien, judgment or payment due under a contract, in which case the funds, financial assets or economic resources may be used to satisfy such lien, judgment or payment due under a contract, provided that the lien, judgment or contract—
 - (i)* was entered into before 26 February 2011; and
 - (ii)* is not for the benefit of a designated individual.

Duty to exercise vigilance

7. A financial institution shall exercise vigilance when doing business with—
- (a)* an entity incorporated in or subject to the jurisdiction of Libya;
 - (b)* an individual or entity acting on behalf, or at the direction, of the entity referred to in paragraph *(a)*; or
 - (c)* an entity owned or controlled by the entity referred to in paragraph *(a)*,

if there is information that provides reasonable grounds to believe that such business could contribute to violence and use of force against civilians.

Duty to provide information

8. A financial institution which—

(a) has frozen any fund, financial asset or economic resource under subregulation 4(1) or 5(1); or

(b) has information about any transaction or proposed transaction or any act or thing prohibited by these Regulations,

shall immediately inform the Bank of that fact or information, and provide such further information relating to the funds, financial assets, economic resources, transaction, proposed transaction, act or thing as the Bank may require.

Offence

9. Any financial institution, individual or entity who fails to comply with these Regulations commits an offence under subsection 82(4) of the Act.

FIRST SCHEDULE

[Regulation 3]

DESIGNATED INDIVIDUAL

<i>No.</i>	<i>Name</i>	<i>Justification</i>	<i>Identifiers</i>
1.	Dorda, Abu Zayd Umar (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Position: Director, External Security Organisation. Regime loyalist. Head of external intelligence agency.	
2.	Jabir, Major General Abu Bakr Yunis (Listed on 26 February 2011)	Position: Defence Minister. Overall responsibility for actions of armed forces.	Title: Major General DOB: 1952 POB: Jalo, Libya

<i>No.</i>	<i>Name</i>	<i>Justification</i>	<i>Identifiers</i>
	pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)		Believed status/ location : deceased
3.	Matuq, Matuq Mohammed (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Position: Secretary for Utilities. Senior member of regime. Involvement with Revolutionary Committees. Past history of involvement in suppression of dissent and violence.	DOB: 1956 POB: Khoms, Libya Believed status/ location: unknown, believed captured
4.	Qadhafi, Aisha Muammar (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Daughter of Muammar Qadhafi. Closeness of association with regime.	DOB: 1978 POB: Tripoli, Libya Believed status/ location: Algeria
5.	Qadhafi, Hannibal Muammar (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Son of Muammar Qadhafi. Closeness of association with regime.	Passport number: B/002210 DOB: 20 September 1975 POB: Tripoli, Libya Believed status/ location: Algeria

<i>No.</i>	<i>Name</i>	<i>Justification</i>	<i>Identifiers</i>
6.	Qadhafi, Khamis Muammar (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Son of Muammar Qadhafi. Closeness of association with regime. Command of military units involved in repression of demonstrations.	DOB: 1978 POB: Tripoli, Libya Believed status/location: deceased
7.	Qadhafi, Mohammed Muammar (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Son of Muammar Qadhafi. Closeness of association with regime.	DOB: 1970 POB: Tripoli, Libya Believed status/location: Algeria
8.	Qadhafi, Muammar Mohammed Abu Minyar (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Leader of the Revolution, Supreme Commander of Armed Forces. Responsibility for ordering repression of demonstrations, human rights abuses.	DOB: 1942 POB: Sirte, Libya Believed status/location: deceased
9.	Qadhafi, Mutassim (Listed on 26 February 2011)	National Security Adviser. Son of Muammar Qadhafi. Closeness of association with regime.	DOB: 1976 POB: Tripoli, Libya

<i>No.</i>	<i>Name</i>	<i>Justification</i>	<i>Identifiers</i>
	pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)		Believed status/ location: deceased
10.	Qadhafi, Saadi (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Commander Special Forces. Son of Muammar Qadhafi. Closeness of association with regime. Command of military units involved in repression of demonstrations.	Passport Number: a) 014797 b) 524521 DOB: a) 27 May 1973 b) 01 January 1975 POB: Tripoli, Libya Believed status/ location: Niger
11.	Qadhafi, Saif al-Arab (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Son of Muammar Qadhafi. Closeness of association with regime.	DOB: 1982 POB: Tripoli, Libya Believed status/ location: deceased
12.	Qadhafi, Saif al-Islam (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970;	Director, Qadhafi Foundation. Son of Muammar Qadhafi. Closeness of association with regime. Inflammatory public statements encouraging violence against demonstrators.	Passport number: B014995 DOB: 25 June 1972

<i>No.</i>	<i>Name</i>	<i>Justification</i>	<i>Identifiers</i>
	on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)		POB: Tripoli, Libya Believed status/location: in custody in Libya
13.	Al-Senussi, Colonel Abdullah (Listed on 26 February 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970; on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1970)	Position: Director Military Intelligence. Military Intelligence involvement in suppression of demonstrations. Past history includes suspicion of involvement in Abu Selim prison massacre. Convicted in absentia for bombing of UTA flight. Brother-in-law of Muammar Qadhafi.	Title: Colonel DOB: 1949 POB: Sudan
14.	AL-BARASSI, Safia Farkash (Listed on 24 June 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970 and paragraph 19 of resolution 1973)	Married to Muammar QADHAFI since 1970. Significant personal wealth, which could be used for regime purposes. Her sister Fatima FARKASH is married to ABDALLAH SANUSSI, head of Libyan military intelligence.	DOB: 1952 POB: Al Bayda, Libya Believed status/location: Algeria
15.	ZLITNI, Abdelhaziz (Listed on 24 June 2011 pursuant to paragraph 15 of resolution 1970 and paragraph 19 of resolution 1973)	Minister for Planning and Finance in Colonel Qhadafi's Government; involved in violence against demonstrators. Secretary of the General People's Committee for Finance and Planning. Zltini is currently acting as temporary head of the Central Bank of Libya. He was previously National Oil Corporation Chairman. The Security Council Committee's information suggests that he is currently engaged in trying to raise funds for the regime to replenish Central Bank reserves already spent on sustaining the current military campaign.	DOB: 1935

SECOND SCHEDULE

[Regulation 3]

DESIGNATED ENTITY

<i>No.</i>	<i>Name</i>	<i>Justification</i>	<i>Identifiers</i>
1.	Libyan Investment Authority (Listed on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1973, as modified on 16 September pursuant to paragraph 15 of resolution 2009)	Under control of Muammar Qadhafi and his family, and potential source of funding for his regime.	a.k.a: Libyan Arab Foreign Investment Company (LAFICO) Address: 1 Fateh Tower Office, No 99 22 nd Floor, Borgaida Street, Tripoli, Libya, 1103
2.	Libyan Africa Investment Portfolio (Listed on 17 March 2011 pursuant to paragraph 17 of resolution 1973, as modified on 16 September pursuant to paragraph 15 of resolution 2009)	Under control of Muammar Qadhafi and his family, and potential source of funding for his regime.	Address: Jamahiriya Street, LAP Building, PO Box 91330, Tripoli, Libya

Made 14 September 2012
[BNM.JUN.1119/45/23; PN(PU2)262/VI]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
Governor

Approved 27 September 2012
[BNM.JUN.1119/45/23; PN(PU2)262/VI]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Minister of Finance